

Mesyuarat Majlis 'Raja-Raja 12 Dis. pilih Yang di-Pertuan Agong ke-12

UM 1 DEC 2001

ALOR SETAR 30 Nov. — Pemilihan Yang di-Pertuan Agong ke-12 dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong akan dibuat dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja pada 12 Disember ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurutnya, terpulanglah kepada majlis itu yang terdiri daripada sembilan raja Melayu memilih calon bagi kedua-dua jawatan itu.

Beliau tidak menolak kemungkinan kali ini giliran Raja Perlis dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong yang baru berikutan kemangkatan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 21 November lalu.

“Bagaimanapun, terserahlah kepada

Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu pada 12 Disember ini untuk melantik Yang di-Pertuan Agong baru kerana Perdana Menteri dan Yang Dipertua Negeri-negeri tidak terlibat,” katanya lagi.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Rumah Kelahiran Dr. Mahathir Mohamad di Lorong Kilang Ais, Seberang Perak, di sini, hari ini.

Ditanya kemungkinan sultan atau raja yang paling kanan akan dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong yang baru, Dr. Mahathir berkata, ia terpulang kepada Majlis Raja-Raja.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir,

belum ada sultan atau raja-raja Melayu dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong sebanyak dua kali di negara ini.

Ini kerana, katanya, terdapat sembilan sultan dan raja Melayu yang dilantik mengikut giliran masing-masing oleh Majlis Raja-Raja setiap lima tahun sekali.

“Pusingan untuk calon yang sama menjadi Yang di-Pertuan Agong mengambil masa kira-kira 45 tahun,” katanya.

Daripada sembilan raja Melayu sekarang, Sultan Kedah, Sultan Pahang, Sultan Johor, Sultan Perak dan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan telah menjadi Yang di-Pertuan Agong.